

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI  
PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR SARJANA  
MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN.

ENGIU INTAN NOHAZEN DE, CHE ENGIU HUSIN

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00119508 4



# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES ♦

JUDUL: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PEMBELAJARAN  
PELAJAR-PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN.

SESI PENGAJIAN : 2001

Saya **ENGKU INTAN NORAZLIN BT. CHE ENGKU HUSIN**  
Mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej  
Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian kes adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( / )

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan.)

TIDAK TERHAD

e. Intan  
(TANDATAN PENULIS)



Di sahkan oleh :

AHMAD BIN ESA  
(TANDANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :

No: 28, LRG. 5/23,  
TAN TASEK TAMBAHAN  
68000 AMPANG, SEL

Tarikh 17 / 9 / 2001

AHMAD BIN ESA  
Nama Penyelia  
Tarikh 17 / 9 / 2001

CATATAN : \*

Potong mana yang tidak berkenaan

\*\*

Jika kajian kes ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan serta daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh kajian kes ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

♦


Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah Dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana

~~Muda / Sarjana / Doktor Falsafah~~

\_\_\_\_\_.”

Tandatangan

:  \_\_\_\_\_

Nama Penyelia

: En. Ahmad Esa

Tarikh

: 17/9/2001.

PTT A U T H M  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI  
PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR SARJANA MUDA  
KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI  
TUN HUSSEIN ONN.**

**ENGKU INTAN NORAZLIN BT. CHE ENGKU HUSIN**

Kajian kes ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2001



PTT ALITHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang . Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurnia -Nya maka terhasillah kertas kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Ahmad Esa di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat , galakan , serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada penilai En. Mohd. Yusop Ab. Hadi yang telah memberikan saranan , cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kertas kajian ini.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan untuk para responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, juga kepada rakan yang terbabit semasa proses mengedarkan borang selidik.

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan , sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh ALLAH S.W.T . Terima Kasih dan Wassalam.

Engku Intan Norazlin bt. Che Engku Husin.

MT001297

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang . Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurnia -Nya maka terhasillah kertas kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Ahmad Esa di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat , galakan , serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada penilai En. Mohd. Yusop Ab. Hadi yang telah memberikan saranan , cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kertas kajian ini.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan untuk para responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, juga kepada rakan yang terbabit semasa proses mengedarkan borang selidik.

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan , sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh ALLAH S.W.T . Terima Kasih dan Wassalam.

Engku Intan Norazlin bt. Che Engku Husin.

MT001297

## ABSTRAK

Kecemerlangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi kini hangat diperkatakan. Semua pihak sibuk mendebatkan sejauh mana tahap prestasi pembelajaran mahasiswa-mahasiswi di menara gading pada masa sekarang. Ini memperlihatkan bahawa ramai pihak memandang serius terhadap prestasi pembelajaran pelajar-pelajar di universiti. Bertitik tolak daripada tulisan mereka inilah maka timbulnya keinginan dan minat untuk sama-sama mengkaji apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar-pelajar di universiti. Terdapat lima objektif utama yang digariskan dalam kajian ini. Objektif yang pertama ingin melihat hubungan antara latar belakang pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar. Objektif kedua pula untuk melihat hubungan antara faktor iklim universiti dengan prestasi pembelajaran pelajar. Kajian ini juga melihat hubungan antara faktor corak pembelajaran pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar sebagai objektif ketiga. Manakala objektif keempat dan kelima ialah untuk melihat faktor aktiviti kurikulum dan corak pengajaran pensyarah serta faktor masalah peribadi sama ada mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar atau tidak. Sampel kepada kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn seramai 300 orang. Instrument yang digunakan adalah borang soal selidik dan data di analisis dengan menggunakan perisian Statistical Package Of Social Science (SPSS) versi 10.0 yang mana kaedah korelasi Pearson di lakukan untuk memperolehi dapatan kajian. Daripada analisis yang dibuat, dapatan menunjukkan bahawa hanya faktor latar belakang pelajar dan corak pembelajaran pelajar sahaja mempunyai hubungan dengan prestasi pembelajaran pelajar.



## ABSTRACT

Nowadays, student 's academic achievement in university was taking seriously by all of us. Because of this, it creates an intention and interest to analyze what's the main factors that give effect to student's academic achievement. There are five main objectives highlighted in this case study. The first objective is to analyze the relationship between student's background with their academic achievement. While the second one is to analyze the relationship between university's surrounding with the student's academic achievement. The relationship between study pattern among the students with their academic achievement be the third objective in this case. While the others two objectives is looking on the curriculum activities and lecturers lecture and student's personal problem. Sample of this study consists of 300 students from First Degree in Electrical Engineering in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn and the questionnaires have been distributed to them. For analyze the data , SPSS version 10.0 have been used by applying the Pearson correlation method. Analyzed data finding have shown that student's background and student's study pattern have a relationship with student's academic achievement.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	
--------------	-------------------	--

	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Soalan Kajian	7
	1.5 Hipotesis	8
	1.6 Tujuan Kajian	11
	1.7 Kerangka Teori	12

1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Skop Kajian	16
1.10	Definisi Istilah	17
1.11	Definisi Operasional	18

## BAB II

## SOROTAN PENULISAN

2.1	Latar Belakang Pelajar	20
2.1.1	Jantina Pelajar	21
2.1.2	Sosio Ekonomi Keluarga, Latar Belakang Keluarga Dan Sokongan Keluarga	22
2.1.3	Perbezaan Kaum Dan Keturunan.	24
2.2	Corak Pembelajaran Pelajar	25
2.3	Iklm Universiti	29
2.4	Ko -Kurikulum Dan Corak Pengajaran	32
2.4.1	Ko-Kurikulum	32
2.4.2	Corak Pengajaran	34
2.5	Masalah Peribadi Pelajar	37

## BAB III

## METADOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Rekabentuk Kajian	39
3.2	Responden	40

3.3 Instrumentasi	41
3.4 Kajian Rintis	43
3.5 Prosedur Analisis Data	45
3.6 Batasan Kajian	47
3.7 Andaian	48

#### IV ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Latar Belakang Responden	50
4.3	Hubungan Antara Faktor Latar Belakang Responden Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	52
4.3.1	Hubungan Antara Pendidikan Bapa Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	53
4.3.2	Hubungan Antara Pendidikan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	54
4.3.3	Hubungan antara Pekerjaan Bapa dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	55
4.3.4	Hubungan Antara Pekerjaan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	56
4.3.5	Hubungan Antara Pendapatan Bapa Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	57
4.3.6	Hubungan Antara Pendapatan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	58
4.3.7	Rumusan Hubungan Keseluruhan Latar Belakang Pelajar Dengan Prestasi	



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH



	Pembelajaran Responden.	59
4.4	Hubungan Antara Faktor Iklim Universiti Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	59
4.5	Hubungan Antara Faktor Corak Pembelajaran Responden Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	62
4.6	Hubungan Antara Faktor Aktiviti Kurikulum Dan Corak Pengajaran Pensyarah Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	65
4.7	Hubungan Antara Faktor Masalah Peribadi Responden Dengan Prestasi Pembelajaran Responden.	68
4.8	Penutup	71

v

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Kesimpulan	72
5.3	Cadangan	75
5.3.1	Faktor Latar Belakang Pelajar.	75
	a) Bantuan kepada pelajar miskin	76
	b) Projek anak angkat.	76
	c) Peranan penting ibu bapa.	77
5.3.2	Faktor Corak Pembelajaran Pelajar	77
5.4	Penutup	80

<b>BIBLIOGRAFI</b>	82
--------------------	----

### LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	84
B	Analisis Data : Min	89
C	Analisis Data : Korelasi	99
D	Kajian Rintis Dan Data Responden	102

### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
------------	-------	------------

2.1	Angkali Pertalian Antara Tujuh Pembolehkan Dan Pencapaian Akademik Pelajar	29
3.0	Jadual Speksifikasi Soalan Dan Perkaitannya	40
3.1	Jadual Kategori Jawapan Untuk Skala Likert	42
3.2	Jadual Penentuan Jenis Analisis Yang Digunakan	43
3.3 :	Jadual Pekali Korelasi	46

3.4 :	Skor min bagi ukuran tahap kecenderungan	47
4.1:	Taburan Responden Mengikut Prestasi Pembelajaran	51
4.2 :	Taburan Responden Mengikut Prestasi Pembelajaran.	51
4.3:	Hubungan Antara Pendidikan Bapa Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	53
4.4:	Hubungan Antara Pendidikan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	54
4.5:	Hubungan Antara Pekerjaan Bapa Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	55
4.6 :	Hubungan Antara Pekerjaan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	56
4.7 :	Hubungan Antara Pendapatan Bapa Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	57
4.8 :	Hubungan Antara Pendapatan Ibu Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	58
4.9 :	Nilai Min Bagi Setiap Item Di Dalam Faktor Iklim Universiti	60
5.0 :	Nilai Min Keseluruhan Bagi Faktor Iklim Universiti	60



5.1 :	Hubungan Antara Faktor Iklim Universiti Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	61
5.2 :	Nilai Min Bagi Setiap Item Di Dalam Faktor Corak Pembelajaran Pelajar.	63
5.3:	Nilai Min Keseluruhan Bagi Faktor Corak Pembelajaran Responden	63
5.4:	Hubungan Antara Faktor Corak Pembelajaran Responden Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	64
5.5 :	Nilai Min Bagi Setiap Item Di Dalam Faktor Aktiviti Kurikulum Dan Corak Pengajaran Pensyarah	66
5.6:	Nilai Min Keseluruhan Bagi Faktor Aktiviti Kurikulum Dan Corak Pengajaran Pensyarah	66
5.7:	Hubungan Antara Faktor Aktiviti Kurikulum dan Corak Pengajaran Pensyarah Dengan Prestasi Pembelajaran Responden	67
5.8 :	Nilai Min Bagi Setiap Item Di Dalam Faktor Masalah Peribadi Responden	69
5.9:	Nilai Min Keseluruhan Bagi Faktor Masalah Peribadi Responden	69
6.0 :	Hubungan Antara Faktor Masalah	





Peribadi Responden Dengan  
Prestasi Pembelajaran Responden

70



**SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-----------------	--------------	-------------------

2.1	Rajah Mekanisma Pembelajaran	26
-----	------------------------------	----

4.0:	Taburan Responden Mengikut Prestasi Pembelajaran.	52
------	---	----



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-----------------	--------------	-------------------

A	Borang Soal Selidik	85 - 90
---	---------------------	---------

B	Analisis Data : Min	91 - 98
---	---------------------	---------

C	Analisis Data : Korelasi	99 - 101
---	--------------------------	----------

D	Kajian Rintis Dan Data Responden	102 - 119
---	----------------------------------	-----------




PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN



Dalam era berteknologi dan bermaklumat ini pendidikan memainkan peranan yang penting untuk membangunkan sesebuah negara. Istilah pendidikan teknik digambarkan sebagai pendidikan dalam satu bidang ilmu yang membolehkan manusia memanfaatkan kuasa alam yang semulajadi dan juga membolehkan manusia menggunakan segala sumber alam untuk faedah dan kebajikan masyarakat seluruhnya .

Tiap-tiap usaha pembangunan akan melibatkan tenaga teknikal . Bahkan pesat atau tidaknya rancangan pembangunan sesuatu negara itu adalah bergantung kepada cukup atau tidaknya tenaga teknik di negara itu . Kejuruteraan merupakan salah satu cabang di dalam bidang pendidikan teknik. Untuk mencapai matlamat negara maju melalui Wawasan 2020, satu daripada komponen yang menjurus kepada matlamat itu ialah 'mewujudkan masyarakat berpengetahuan tinggi dalam bidang



sains dan teknologi'. Untuk mencapai hasrat itu, beberapa langkah sudah dijalankan bagi menjayakan program peningkatan mutu sains dan teknologi.

Satu daripada usaha yang diketengahkan ialah dengan menubuhkan sebuah institusi khas untuk pengajian sains dan teknologi bagi mewujudkan satu masyarakat yang saintifik, progresif, inovatif dan kreatif. Dengan penubuhan institusi itu mereka yang sudah mencapai tahap cemerlang di dalam peringkat sekolah sains dan teknologi dapat ditempatkan di situ bagi membuat penyelidikan dan mempertingkatkan bidang kejuruteraan. Maka di dalam menggalakkan pelajar meneruskan pengajian di dalam bidang ini, telah banyak pusat pengajian tinggi diwujudkan berasaskan kemahiran dan teknologi seperti contoh Universiti Tenaga Nasional dan juga yang terbaru kenaikan taraf Institut Teknologi Tun Hussien Onn menjadi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

Kecemerlangan pelajar yang mengambil jurusan teknologi seperti kejuruteraan amat dititik-beratkan agar dapat melahirkan jurutera-jurutera yang berwibawa dan berpotensi tinggi di dalam kemajuan negara. Kecemerlangan di dalam pelajaran ini hanya mampu di perolehi jika pelajar mempunyai prestasi pembelajaran yang amat membanggakan. Namun begitu banyak faktor yang boleh mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar di institusi pengajian tinggi.

Pelajar-pelajar yang berada di menara gading tidak terlepas dari menghadapi berbagai-bagai masalah dan cabaran. Masalah-masalah ini seringkali mengganggu fikiran pelajar dan seterusnya memberi kesan terhadap prestasi pelajaran. Pelajar-pelajar perlu menyesuaikan diri terhadap setiap permasalahan yang mereka hadapi. Menurut Hamidah Husin (1986), pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi khususnya berada di dalam suatu peringkat yang disebut berbagai situasi sempadan kerana mereka sedang mencari suatu penyesuaian sosial dan psikologikal. Mereka sedang

mencari satu identiti bagi memamatkan diri mereka dalam menghadapi berbagai cabaran

Oleh itu pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi menghadapi berbagai-bagai masalah. Masalah-masalah ini adalah berbeza mengikut perkembangan seseorang individu. Corak latar belakang yang berbeza bagi setiap individu juga menyebabkan mereka mengalami masalah-masalah yang berlainan.

Menurut Remmers (1962) , terdapat beberapa angkubah yang memberikan perbezaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti tempat tinggal , agama, jantina, status,sosio-ekonomi dan peringkat pendidikan ibu bapa. Hasil kajian beliau ke atas pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah di negara Amerika Syarikat , Puerto Rico, Jerman Barat dan India menunjukkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum remaja adalah berbeza dari satu kebudayaan dengan kebudayaan yang lain. Mooney ( Garrison) telah membahagikan masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja kepada sebelas bidang seperti berikut ;

- a) kesihatan dan perkembangan fizikal
- b) kewangan , suasana hidup dan pekerjaan
- c) kurikulum dan cara pengajaran
- d) penyesuaian terhadap beban kerja sekolah
- e) masa depan , vokasional dan pekerjaan
- f) rumah dan kekeluargaan
- g) moral dan agama
- h) hubungan peribadi – psikologi
- i) hubungan sosial – psikologi
- j) peminangan , seks dan perkahwinan
- k) sosial dan rekreasi

Pembelajaran kognitif amatlah ditegaskan di universiti memandangkan perimustahaknya melahirkan graduan yang boleh berfikir dan menyumbangkan idea mereka untuk memajukan masyarakat. Universiti sebagai menara gading memerlukan graduan yang mempunyai kaliber yang tinggi dan kreatif.

## 1.2 Latar belakang Masalah

Pencapaian dan prestasi pelajar yang sedang belajar di universiti amatlah dititikberatkan agar dapat melahirkan tenaga pekerja mahir yang profesional dan mantap apabila tamat belajar nanti. Namun begitu di dapati senario pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang amat sedikit. Lebih meruncing apabila ianya melibatkan pelajar –pelajar yang mengambil jurusan kejuruteraan.

Di dalam kajian ini, faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik telah dikaji. Kursus kejuruteraan merupakan kursus yang amat berat dan memerlukan pelajar yang benar-benar mantap di dalam mengambil jurusan ini. Di dalam mengejar era teknologi tinggi, Malaysia sebagai sebuah negara membangun memerlukan jurutera-jurutera tempatan yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan sahsiahnya agar dapat memberi idea yang bernas di dalam membantu membangunkan teknologi di negara kita.

Namun begitu tidak dapat di nafikan, bahawa pelajar-pelajar di universiti merupakan remaja-remaja yang baru ingin meningkat dewasa dan di dalam menuju kedewasaan pelbagai masalah, cabaran kehidupan serta faktor-faktor lain yang mereka lalui di dalam peringkat ini yang boleh mempengaruhi prestasi pembelajaran

mereka.. Ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan mereka di dalam pembelajaran dan seterusnya memberi kesan kepada prestasi pembelajaran mereka.

Graduan kejuruteraan yang mempunyai keputusan dan prestasi pembelajaran yang cemerlang akan menunjukkan prestasi khidmat profesional yang cemerlang dan rekod itu penting bagi mereka untuk memohon status Jurutera Profesional (PE) atau menyambung pengajian di peringkat sarjana.

Oleh itu, kajian ini amat penting di dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik yang mana faktor –faktor yang di kaji adalah corak pembelajaran pelajar, iklim universiti, masalah peribadi pelajar, ko-kurikulum dan corak pengajaran serta latar belakang pelajar.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Misi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO) adalah untuk melahirkan dan melatih ahli teknologi dan profesional yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggungjawab serta mampu mengaplikasi, meneroka dan meneraju teknologi baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangkan konsep tauhid untuk kesejahteraan sejagat.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn merupakan salah satu pusat pengajian tinggi yang berteraskan jurusan teknologi dan kejuruteraan. Jurusan kejuruteraan elektrik merupakan salah-satu jurusan kejuruteraan yang di tawarkan.

Dalam mencapai misi universiti, prestasi pembelajaran yang baik amatlah dititik-beratkan.

Namun begitu, pelajar-pelajar jurusan kejuruteraan elektrik ini dalam mengejar cita-cita dan ingin mencapai kejayaan juga tidak lari daripada permasalahan yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Terdapat berbagai faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Corak pembelajaran yang di anggap penting dalam menentukan pencapaian mereka turut memainkan peranan. Pengkaji-pengkaji pembelajaran telah banyak menghuraikan mengenai pembolehubah yang mempengaruhi pembelajaran. Meliputi pelajar itu sendiri ( termasuk motivasi , keupayaan, umur, seks dan pengalaman lepas).

Dalam Subahan Mohd Meerah (1987) menghuraikan beberapa faktor yang mempengaruhi pendekatan belajar. Faktor- faktor tersebut termasuk faktor;

- a. motivasi belajar
- b. jenis soalan peperiksaan
- c. pusat pengajian
- d. pengaruh sekolah ke atas pendekatan belajar di universiti

Keadaan persekitaran universiti sendiri juga tidak boleh lari dari menentukan prestasi pembelajaran di situ. Ini kerana di dalam menghasilkan prestasi pembelajaran yang memuaskan iklim universiti itu perlu sendirinya selesa dan mesra bagi pelajar.

Selain itu juga, masalah peribadi yang membelenggu fikiran pelajar juga menjadi faktor-faktor yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar. Ini kerana adalah lumrah

pelajar –pelajar di peringkat umur sebegini atau remaja tidak lari daripada masalah yang memerlukan kematangan mereka di dalam menyelesaikannya. Di samping itu juga kurikulum dan cara pengajaran pensyarah di universiti juga turut mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar di universiti. Ini kerana ilmu yang di sampaikan dengan tidak betul tidak dapat di terima oleh pelajar akan memberi hasil yang kurang memberansangkan kepada pelajar itu sendiri.

Mengikut Erikson (1969), individu di peringkat ini iaitu pelajar menghadapi perbagai konflik yang boleh membawa kepada dua kemungkinan samada bersifat positif atau sebaliknya. Memandangkan mereka sedang berada di dalam satu waktu yang mencabar, mereka tidak dapat lari dari menghadapi berbagai jenis masalah dan tuntutan.

Oleh itu kajian yang di jalankan ini adalah untuk melihat faktor- faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar kejuruteraan elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Ini kerana amatlah penting bagi kita untuk mengetahuinya agar satu tindakan boleh di lakukan bagi mempertingkatkan prestasi pembelajaran pelajar kejuruteraan elektrik ini agar apabila tamat belajar nanti mereka dapat menjadi seorang jurutera yang cemerlang di dalam bidang mereka. Ini kerana negara memerlukan ahli profesional yang bermutu prestasi pembelajarannya.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Pengkaji mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar –pelajar sarjana muda kejuruteraan elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Soalan-soalan kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah:



- a) Adakah faktor latar belakang pelajar mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar?
- b) Adakah faktor persekitaran atau iklim universiti mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar ?
- c) Adakah faktor corak pembelajaran pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar ?
- d) Adakah faktor kurikulum dan cara pengajaran di universiti mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar ?
- e) Adakah faktor masalah peribadi mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar ?



### 1.5 Hipotesis

Terdapat lima set hipotesis ataupun jangkaan yang dirangka di awal kajian ini yang mana ianya mempunyai perkaitan dengan objektif kajian yang digariskan di atas.

#### **a) Hipotesis bagi faktor latar belakang pelajar.**

Bagi faktor latar belakang pelajar, terdapat enam set hipotesis yang dinyatakan iaitu :



**Hipotesis pertama:**

Ho: Tidak wujud hubungan di antara faktor taraf pendidikan bapa dengan prestasi pembelajaran responden.

Ha : Wujud hubungan di antara faktor taraf pendidikan bapa dengan pencapaian pembelajaran responden

**Hipotesis kedua:**

Ho : Tidak wujud hubungan antara faktor taraf pendidikan ibu dengan prestasi pembelajaran pelajar

Ha : Wujud hubungan di antara faktor taraf pendidikan ibu dengan prestasi pembelajaran responden

**Hipotesis ketiga:**

Ho : Tidak wujud hubungan di antara faktor jenis pekerjaan bapa dengan prestasi pembelajaran responden.

Ha : Wujud hubungan antara faktor jenis pekerjaan bapa dengan prestasi pembelajaran responden

**Hipotesis keempat:**

Ho : Tidak wujud hubungan di antara faktor jenis pekerjaan ibu dengan prestasi pembelajaran responden .

Ha : Wujud hubungan antara faktor jenis pekerjaan ibu dengan prestasi pembelajaran responden

**Hipotesis kelima:**

Ho : Tidak wujud hubungan antara faktor taraf pendapatan bapa dengan prestasi pembelajaran responden

Ha : Wujud hubungan di antara faktor taraf pendapatan bapa dengan prestasi pembelajaran responden

**Hipotesis keenam :**

Ho : Tidak wujud hubungan antara faktor taraf pendapatan ibu dengan prestasi pembelajaran pelajar

Ha : Wujud hubungan di antara faktor taraf pendapatan ibu dengan prestasi pembelajaran responden

**b) Hipotesis bagi faktor iklim universiti**

Ho : Tidak wujud hubungan di antara faktor iklim universiti dengan prestasi pembelajaran pelajar.

Ha : Wujud hubungan antara faktor iklim universiti dengan prestasi pembelajaran pelajar

**c) Hipotesis bagi faktor corak pembelajaran pelajar**

Ho : Tidak wujud hubungan antara faktor corak pembelajaran pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar

Ha : Wujud hubungan di antara faktor corak pembelajaran pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar

**d) Hipotesis bagi faktor aktiviti kurikulum dan corak pengajaran pensyarah**

Ho : Tidak wujud hubungan di antara faktor aktiviti kurikulum dan corak pengajaran pensyarah dengan prestasi pembelajaran pelajar.

Ha : Wujud hubungan antara faktor aktiviti kurikulum dan corak pengajaran pensyarah dengan prestasi pembelajaran pelajar

**e) Hipotesis bagi faktor masalah peribadi pelajar**

Ho : Tidak wujud hubungan di antara faktor masalah peribadi pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar.

Ha : Wujud hubungan antara faktor masalah peribadi pelajar dengan prestasi pembelajaran pelajar

## 1.6 Tujuan Kajian

Selari dengan apa yang dinyatakan di atas, kajian penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor – faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar sarjana muda kejuruteraan elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai beberapa objektif utama iaitu :

- a) Mengenal pasti sama ada faktor latar belakang responden mempengaruhi prestasi pembelajaran responden atau tidak.
- b) Mengenal pasti sama ada faktor iklim universiti mempengaruhi prestasi pembelajaran responden atau tidak
- c) Mengenal pasti sama ada faktor corak pembelajaran responden mempengaruhi prestasi pembelajaran responden atau tidak
- d) mengenalpasti sama ada faktor aktiviti kurikulum dan corak pengajaran pensyarah mempengaruhi prestasi pembelajaran responden atau tidak.
- e) Mengenalpasti sama ada faktor masalah peribadi responden mempengaruhi prestasi pembelajaran responden atau tidak.



### 1.7

#### Kerangka Teori

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat sebagai konsep kajian. Dalam kajian ini penyelidik telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Oleh itu , faktor-faktor yang di kaji adalah corak pembelajaran pelajar, iklim universiti , masalah peribadi pelajar , latar belakang pelajar dan kurikulum dan corak pengajaran pelajar.

Merujuk daripada kerangka teori yang telah di bina, faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas merupakan faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar. Di dalam faktor latar belakang pelajar , pengkaji mengkaji sosio-ekonomi pelajar,jantina pelajar dan kaum yang diwakili pelajar.

Menurut Robert E. Slavin (1994), latar belakang pelajar dibezakan dari segi tahap pencapaian, kadar pembelajaran, gaya pembelajaran, etnik, budaya, tahap sosial dan bahasa. Tiga item di atas di kaji iaitu jantina, sosio ekonomi dan kaum dikaji di dalam faktor latar belakang pelajar kerana ianya telah di sokong oleh teori-teori. Bagi item jantina, Laporan Pensyarah (1987), menunjukkan bahawa prestasi pelajar wanita adalah lebih baik daripada pelajar lelaki, manakala bagi kajian sosio ekonomi pula menurut Knapp dan Wooverton (1995); S.M. Taylor (1994), menyatakan bahawa pelajar yang datang dari keluarga yang rendah taraf sosio ekonomi kebiasaannya mempunyai tahap pencapaian yang rendah dalam pelajaran. Dan untuk persepsi kaum pula, Menurut Rohaty Mohd Majzub (1990), ras atau kaum masih mempengaruhi proses pembelajaran mahasiswa di universiti. Dengan ini menunjukkan terdapatnya perkaitan item-item tersebut di bawah faktor latar belakang pelajar yang boleh mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar.

Faktor lain yang di kaji adalah iklim universiti. Menurut Mok Soon Sang (1996), suasana fizikal tempat belajar yang kondusif menjadi faktor yang penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam tempat belajar. Faktor fizikal tempat belajar merangkumi suasana fizikal di dalam tempat belajar dan kawasan sekitarnya

Selain itu corak pembelajaran pelajar juga turut di jadikan faktor dalam mengkaji perkara yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. Menurut Subahan (1987), ada dua pendapat umum mengenai tabiat dan cara belajar. Pertama, pelajar yang menghabiskan banyak masa untuk belajar dan memperolehi kejayaan yang lebih baik. Kedua, adanya kaedah-kaedah belajar yang betul di amalkan oleh pelajar-pelajar yang memperolehi pencapaian yang baik.

Pengkaji juga melihat kepada faktor kurikulum dan corak pengajaran pelajaran di dalam mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. A.S Robinson


(1971) memberi pengertian kurikulum dengan lebih lengkap dan menyeluruh. Beliau berpendapat bahawa kurikulum harus mengandungi matlamat, objektif, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian semua pengalaman pembelajaran yang telah dirancang untuk murid-murid di dalam dan di luar sekolah seperti lawatan, latihan amali dan aktiviti kokurikulum.

Menurut Hunter (1969) pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar. Pembelajaran yang berkesan berlaku dalam suasana yang sibuk dan bersemangat.

Faktor yang terakhir adalah faktor masalah peribadi pelajar sama ada mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar atau tidak. Pelajar-pelajar di peringkat universiti majoritinya merupakan pelajar remaja. Mengikut Erikson (1969), individu di peringkat ini menghadapi perbagai pancaroba yang berlaku di zaman remaja ini. Konflik yang boleh membawa kepada dua kemungkinan sama ada bersifat positif atau sebaliknya. Memandangkan mereka sedang berada di dalam satu waktu yang mencabar, mereka tidak dapat lari dari menghadapi berbagai jenis masalah dan tuntutan.

Daripada faktor-faktor yang dikeluarkan oleh pengkaji di dalam kaitannya terhadap prestasi pembelajaran pelajar, dan daripada kerangka teori yang di bina, pengkaji telah dapat membina satu teori yang berkaitan dengan kajian yang di lakukan ini. Teori pengkaji adalah prestasi pembelajaran pelajar boleh di pengaruhi oleh faktor-faktor yang terdapat di persekitaran pelajar samada di dalam diri pelajar itu sendiri atau datang dari luar iaitu keluarga, masyarakat, dan institusi pengajian.

Rajah 1.1 Model Kerangka konseptual kajian





## 1.8 Kepentingan Kajian

Pengkaji mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. kerana :

- a) ianya mempunyai kepentingan kepada semua.
- b) kajian yang dilakukan ini telah dapat mengupas apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar sarjana muda kejuruteraan elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- c) Hasil kajian ini akan dapat digunakan oleh semua pihak terutamanya bagi pihak universiti, kakitangan akademik dan juga pelajar di dalam meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar kejuruteraan elektrik tidak saja di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, malah di semua institusi pendidikan dan berbagai-bagai cara akan dapat dilakukan untuk menyelesaikan permasalahan ini.

## 1.9 Skop Kajian

Pengkaji hanya mengkaji

- a) lima pemboleh-pembolehubah yang dinyatakan di dalam soalan kajian itu sahaja iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar iaitu:

- 1) corak pembelajaran ✓
- 2) iklim universiti ✓
- 3) masalah peribadi ✗
- 4) kurikulum dan cara pengajaran ✓
- 5) latar belakang pelajar. ✓

- b) Pengkaji juga hanya mengkaji faktor-faktor yang dinyatakan di atas terhadap pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn sahaja.
- c) hanya mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar.

## 2.0 Definisi Istilah

- 1) KUITTHO : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

- 2) Pembelajaran :

Menurut Kamus Dewan 1992, pembelajaran bermaksud proses atau kegiatan belajar.

- 3) Prestasi :

Menurut Kamus Dewan 1992, prestasi bermaksud hasil yang diperolehi : pencapaian.

4) Sarjana Muda

Menurut Kamus Dewan, bermaksud gelaran orang yang telah mendapat ijazah pertama di universiti

5) Kejuruteraan

Menurut Kamus Dewan, kejuruteraan bermaksud kepandaian atau perbuatan mereka atau membuat jentera (jambatan dll)

## 2.0 Definisi Operasional.

Merupakan satu definisi terhadap perkataan yang termasuk dalam tajuk kajian dan di definisikan pada matlamat atau tujuan kajian itu dijalankan agar ia tidak lari dari matlamat asal kajian yang dijalankan.

1) KUITTHO

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn merupakan universiti yang di pilih bagi menjalankan kajian kes ini. Universiti ini dipilih kerana tempat ini merupakan universiti berasaskan teknologi bertetapan dengan tajuk kajian.

2) Pembelajaran :

Di dalam kajian ini, konsep pembelajaran merupakan aspek penting mengapa kajian ini di jalankan iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar.

### 3) Prestasi

Di dalam tujuan kajian , ini merujuk kepada pencapaian pembelajaran pelajar berdasarkan keputusan PNGK pelajar di dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar.

### 4) Sarjana Muda

Merupakan responden yang di pilih secara khusus oleh pengkaji, yang mana di dalam konteks kajian, hanya pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik saja dipilih untuk di kaji.

### 5) Kejuruteraan

Merupakan salah satu kursus berkonsepkan sains teknologi yang ditawarkan di KUITTHO dan pengkaji mengkaji pelajar kejuruteraan elektrik di universiti ini.

Kesimpulannya definisi opsional ini menjurus kepada tajuk kajian iaitu “Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.”



PTT AUTUM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

Kajian yang di lakukan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar sarjana muda kejuruteraan elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Prestasi pembelajaran yang di maksudkan di sini adalah tahap kecemerlangan pelajar di dalam mengikuti kursus tersebut di universiti. Oleh itu faktor-faktor yang di kaji di bincangkan di dalam bab ini berdasarkan daripada pernyataan fakta dan teori yang di rujuk melalui perpustakaan.

#### 2.1 Latar belakang Pelajar.

Latar belakang pelajar amat mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian latarbelakang ini wujud disebabkan oleh perbezaan individu dari segi personaliti, budaya, sosio-ekonomi, bahasa, jantina, kaum, tahap kecerdasan dan sebagainya. Di dalam kajian ini , latarbelakang jantina, kaum atau

keturunan status sosio-ekonomi keluarga , sokongan keluarga dan pergaulan sahaja yang diselidiki. Tiada definisi khusus yang menjelaskan maksud latarbelakang pelajar. Menurut Robert E.Slavin (1994) , latar belakang pelajar dibezakan dari segi tahap pencapaian , kadar pembelajaran, gaya pembelajaran , etnik , budaya, tahap sosial dan bahasa.

### 2.1.1 Jantina pelajar

Dari segi jantina pelajar, jantina., menurut J.R. Thomas dan French (1985), perbezaan jantina di antara lelaki dan perempuan dapat dilihat dari segi ciri-ciri fizikal mereka sejak mereka baru dilahirkan lagi sehingga mereka dewasa. Perempuan akan mencapai tahap dewasa atau akil baligh lebih awal berbanding lelaki tetapi apabila lelaki mencapai tahap tersebut, mereka akan mengalami perubahan fizikal yang agak mendadak seperti ketinggian dan tisu-tisu otot.

Kajian yang dilakukan oleh Rohaty Mohd Majzub (1989) menyatakan jantina mahasiswa mempengaruhi pembelajaran .Pelajar wanita bersifat lebih pasif dan pemalu dan menunjukkan penglibatan kurang aktif dalam tutorial. Mahasiswa dikatakan lebih aktif dalam bilik tutorial. Mahasiswi juga ada kecenderungan memilih kursus-kursus elektif yang lebih menekankan perdampingan sosial.

Manakala dari Laporan Pensyarah (1987) , menunjukkan bahawa prestasi pelajar wanita adalah lebih baik daripada pelajar lelaki . Setelah dikaji, didapati juga pelajar wanita mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk menyelesaikan kursus yang diambil dan lulus.

### 2.1.2 Sosio-ekonomi keluarga , latarbelakang ibubapa dan sokongan keluarga

Sosio-ekonomi keluarga dan latarbelakang ibu bapa juga mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. Sosio-ekonomi pada kebiasaannya dikaitkan dari segi pendapatan individu, pekerjaan, pendidikan dan juga kedudukan seseorang di dalam masyarakat . Pelajar yang datang dari keluarga kelas pertengahan lebih mudah mengikuti dan memahami pembelajaran di sekolah. Ini disebabkan mereka mempunyai kemampuan untuk memiliki kemudahan pembelajaran yang memuaskan di rumah .dorongan dari keluarga dan sebagainya.

Kejayaan dalam keluarga seseorang mahasiswa (maksudnya pencapaian) menjadi model dan penggerak untuk mahasiswa itu memperolehi kejayaan. Keluarga dari status sosio-ekonomi atasan dan menengah mempunyai kebudayaan pembelajaran dan gaya pemeliharaan anak yang berlainan di rumah berbanding dengan keluarga dari status sosio-ekonomi rendah atau bawahan.

Menurut kajian Hess dan Shipman (1970) , gaya pendidikan anak-anak di rumah adalah paling bergantung kepada kualiti bahasa yang diajar oleh ibu mereka. Ibu-ibu dari kelas pertengahan lebih cenderung menggunakan bahasa yang baik, arahan yang lebih jelas dan mengambil perspektif yang baik terhadap anak-anak mereka berbanding ibu-ibu dari kelas bawahan.

Manakala menurut Knapp dan Wooverton (1995); S.M. Taylor (1994), menyatakan bahawa pelajar yang datang dari keluarga yang rendah taraf sosioekonomi kebiasaannya mempunyai tahap pencapaian yang rendah dalam pelajaran. Selain itu juga Finders dan Lewis (1994), menyatakan bahawa ibubapa yang rendah taraf pendidikannya menghadapi kesukaran dalam membimbing anak-anak mereka dalam pelajaran.



Dari segi perspektif sosiologi pendidikan juga jika dilihat terdapat dua perkara penting mempengaruhi pembelajaran iaitu latarbelakang ibubapa dan persekitaran pelajar. Ini berkaitan dengan stratifikasi sosial ( Ting Chew Peh, 1985); proses individu dalam masyarakat yang menyebabkan kemunculan satu hiarki yang terdiri dari lapisan atau kelas –kelas yang berkaitan kedudukannya. Pelajar dari kelas pertengahan dan kelas tinggi mempunyai lebih peluang dan kemudahan untuk meninggikan prestasi akademik mereka. Sementara itu apa yang berlaku untuk pelajar-pelajar dari kelas sosial rendah sekiranya tiada apa-apa bantuan dari pihak atasan akan menghadapi kesukaran dari segi kemudahan untuk meningkatkan prestasi akademik.

Menurut keputusan Laporan Pensyarah (1987) , analisis mengikut keturunan menunjukkan perbezaan anantara kaum. Status sosio-ekonomi yang diukur dari pendapatan dan pelajaran ibubapa mempengaruhi prestasi pelajar. Keluarga Melayulah yang teramai dalam golongan pendapatan RM500 sebulan manakala keluarga Cina kebanyakannya dalam golongan pendapatan sederhana. Kesempitan dan masalah kewangan yang boleh menjejaskan prestasi akademik lebih mungkin berlaku pada pelajar Melayu.

Galakan keluarga kepada pelajar dari segi cara menyambut kejayaan adalah lebih positif bagi pelajar Cina dan India. Ini mungkin menguatkan lagi semangat mereka untuk memperbaiki pencapaian. Sambutan kejayaan pelajar Melayu oleh keluarga adalah agak dingin dan mungkin mematahkan semangat mereka yang telah mencapai kejayaan yang terpuji.

Menurut Laporan Pensyarah (1987) , keluarga Melayu juga lebih banyak memberi bantuan dalam tugas berbeza dengan keluarga Cina lebih membiarkan anak-anak mereka membuatnya sendiri. Ini mungkin memupuk sifat “spoon feeding” dan kurang berdikari di kalangan pelajar Melayu.

### 2.1.3 Perbezaan kaum atau keturunan.

Kaum atau keturunan juga merupakan salah –satu ciri latarbelakang yang dikaji oleh pengkaji. Kaum adalah terdiri dari kumpulan masyarakat yang besar yang mempunyai sejarah, sosial, warisan budaya dan tradisi yang berdasarkan kepada agama , bahasa dan identiti bangsa.( Robert E. Slavin , 1994) Masyarakat Malaysia adalah berbilang bangsa seperti Melayu, Cina , India dan lain –lain telah mewujudkan kepelbagaian latarbelakang yang berbeza dari segi aspek bahasa , agama dan adat resam.

Semua institusi pengajian tinggi di Malaysia , pelajar-pelajarnya adalah terdiri daripada pelbagai kaum dengan majoriti pelajar Melayu adalah tertinggi. Ini di sebabkan kuota terhadap pelajar Bumiputera adalah tinggi di universiti. Kepelbagaian kaum juga merupakan aspek yang dilihat dalam latar belakang pelajar.

Menurut Rohaty Mohd Majzub (1989) , ras atau kaum masih mempengaruhi proses pembelajaran mahasiswa di universiti. Mahasiswa bangsa Cina dikatakan lebih gigih. Ini disebabkan oleh latar belakang sejarah bangsa Cina di Malaysia dan mengaitkannya dengan sifat-sifat akauntabiliti, kerajinan bersifat materialistik dan sebagainya. Beliau juga mengemukakan falsafah Agama Islam dan keperluan untuk mahasiswa bangsa Melayu memahami dan menghayati falsafah Agama Islam dengan sebenarnya kerana akan membantu mewujudkan tanggapan baik tentang pembelajaran.

Sikap pelajar Melayu yang tidak mementingkan atau risau tentang masa depan juga menyebabkan pencapaian prestasi pembelajaran mereka kebelakang dari kaum lain. Menurut Laporan Pensyarah (1987) , berbanding pelajar Melayu, pelajar

## BIBLIOGRAFI

Ab. Hamid b. Awang (1977). “ Kebiasaan Belajar dan Sikap Belajar Pelajar-pelajar Tahun II Diploma Kejuruteraan Awam UTM” . Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Pendidikan.

Abd. Majid Mohd Isa dan Rahil Mahyuddin . (1997) “ Psikologi Pendidikan”. 1<sup>st</sup> ed. Longman Malaysia.38-37

Che Sharifah bt. Saidin. (1984) “Transisi dan masalah penyesuaian diri di kalangan Pelajar tahun 1 UKM “ Universiti Kebangsaan Malaysia. Sarjanamuda Sastera (Kepujian).

Cooper , B, and J.M Foy (1996). “Student Study Habits, Attitudes and Academic Attainment”. University Quarterly. **23**. 203-212.

Ericson, E.H. (1960) “Theories of Adolescence” Random House New York.

Entwistle N.J., J.Thompson and J.D Wilson (1974). “ Motivation and Study Habits”. *Higher Education* .**3**. 379 – 396.

Hassan Hj. Mohd Ali .Dr.,(1999).”Kaedah Mendidik Remaja Dalam Keluarga:Peranan Ibu Bapa.” Kuala Lumpur : Akademi Keluarga Bahagia Malaysia

Garry R. & Kingsley H.L. (1970) "The Nature and Condition Of Learning". Prentice Hall Inc.

Jeanne Ellis Omrod (1998). "Educational Psychology : Developing Learners ".2<sup>nd</sup> ed. New Jersey : Merrill Prentice Hall.

Keotsvavt Lendell (1997). ' Management by Menu.' Landon : Wiley & Sons Inco. 80-82

Krejeie. R. V. and Morgan D.W. (1970) " Determining sample size for research". Edecational and Psychological Measurement.30 607-610.

Laporan Pensyarah. (1987). "Kajian Prestasi Pelajar-pelajar UKM". Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mak Soon Sang (1996). " Pedagogi 1: Kurikulum Dan Pengurusan Bilik Darjah" Kumpulan Budiman Sdn.Bhd Kuala Lumpur. 1-2.

Mohd Majid Koting, " Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Edisi Kedua (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993)

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). " Penyelidikan Pendidikan". 1<sup>st</sup> ed. Universiti Teknologi Malaysia.

Oppenheim . A.N (1996) . “Questionnaire design and attitude measurement” .Gover.

Ramsden, P. and Entwistle N.J (1981). “ Students’s Approaches to Studying” . University of Lancaster.

Remmers, H.H dan Redler. (1962) “ The American Teenagers.” Bobs Merrit Co. New York.

Robert E. Slavin (1994). “ Educational Psychology : Theory and Practice “ 4 th ed . Massachusetts :Allayn and Bacon.

Rohaty Mohd Majzub (1989). “ Persepsi Pensyarah” . Jurnal Pendidikan. Bil 120. m.s 10-21.

Subahan , M.M.T (1987). “Pembelajaran Pelajar-Pelajar: Satu Pengenalan.” Terbitan Tak Berkala No. 3. UKM.

Tan, E.S . (1972) “ Emotional Problems Among Universities students – their carrier and effect.”. The Role of Asian Universities in Changing World. Universiti of Malaya :Academic Staff Association.

Tajul Ariffin Noordin (1989) “ Masalah Pembelajaran” .Jurnal Pendidikan. Bil 120.m.s.3-9